

# KAJIAN PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

## A STUDY ON FINANCIAL MANAGEMENT AMONG POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK STUDENTS

Rohanisah Sahari<sup>1</sup>

Afifah Bolhassan<sup>2</sup>

Hasimah Salleh<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: rohanisah@pmbs.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: afifah.b@pmbs.edu.my)

<sup>3</sup> Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: Hasimahs@pmbs.edu.my)

### Article history

Received date : 26-9-2025

Revised date : 27-9-2025

Accepted date : 17-10-2025

Published date : 24-10-2025

### To cite this document:

Sahari, R., Bolhassan, A., & Salleh, H. (2025). Kajian pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (28), 39-46.

**Abstrak:** Pengurusan kewangan Pelajar merupakan satu kajian yang luas dan mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dewasa ini. Ini kerana Pengurusan kewangan yang baik dapat memberi impak yang positif terhadap kewangan pelajar dan pencapaian akademik pelajar dan kesejahteraan hidup pelajar. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian, mengukur tahap pengurusan kewangan pelajar dan menentukan hubungan antara masalah kewangan pelajar terhadap pengurusan kewangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 34 orang pelajar Diploma Kewangan(DFI)/Diploma Kewangan dan Perbankan(DKB) di Politeknik METrO Betong Sarawak. Instrumen soal selidik diedarkan secara rawak secara atas talian. Data yang dikumpul di analisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan data statistik deskriptif dan Regression linear untuk mengetahui hubungan faktor yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi pelajar DFI/DKB adalah pada tahap yang lemah sepanjang pengajian mereka di PMBS, manakala tahap pengurusan kewangan pelajar DFI/DKB berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif diantara tahap pengurusan kewangan pelajar dan masalah kewangan pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang baik dapat mengurangkan masalah kewangan pelajar.

**Kata kunci:** pengurusan kewangan, literasi kewangan, masalah kewangan

**Abstract:** Student financial management is a broad area of study that has recently attracted the attention of researchers. This is because good financial management can have a positive impact on students' finances, academic achievement, and overall well-being. Therefore, the objective of this study is to identify the financial problems faced by students during their studies, measure the level of students' financial management, and determine the relationship between students' financial problems and their financial management. The study sample consisted of 34 Diploma in Finance (DFI)/Diploma in Finance and Banking (DKB) students at Politeknik

*METrO Betong Sarawak. The questionnaire instrument was randomly distributed online. The collected data was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to obtain descriptive statistics and linear regression to examine the relationships between the studied factors. The findings show that the financial problems faced by DFI/DKB students were at a weak level throughout their studies at PMBS, while the students' level of financial management was at a moderate level. The study also found that there is a significant positive relationship between students' financial management and their financial problems. This study indicates that good financial management can help reduce students' financial problems.*

**Keywords:** *financial management, financial literacy, financial problems*

## Pengenalan

Pengurusan Kewangan merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan kehidupan pelajar terutamanya pelajar yang belajar di peringkat pengajian tinggi. Dalam pengurusan kehidupan seorang pelajar, mereka perlu memikirkan bagaimana untuk menguruskan sumber kewangan yang terhad di samping menumpukan perhatian terhadap pencapaian akademik mereka agar sentiasa cemerlang. Literasi kewangan menjadi faktor penggerak utama dalam pengurusan kewangan yang efektif. Kajian oleh Abdul-Rahman et al. (2016) menegaskan bahawa pengetahuan tentang pengurusan kewangan seharusnya diterapkan dalam kurikulum pendidikan tinggi, tanpa mengira bidang pengajian. Hal ini diperkuuhkan oleh hasil kajian Yakob dan Janor (2015) yang menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan literasi kewangan perlu diperhebat dalam kalangan pelajar universiti. Kebolehan untuk memahami tentang kewangan memberi pelajar kelebihan dalam membuat keputusan perbelanjaan dan simpanan yang lebih bijak (Zahari & Wahid, 2020). Terdapat hubungan positif antara tahap literasi kewangan dan tingkah laku perbelanjaan yang bertanggungjawab dalam kalangan mahasiswa (Wei et al., 2019).

Kehidupan di kampus merupakan satu cabaran yang hebat kepada pelajar, apabila mereka mula mengendalikan kewangan mereka sendiri tanpa pengawasan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini akan menjadi lebih rumit jika pelajar tidak mempunyai asas dalam pengurusan kewangan. Satu lagi aspek penting dalam pengurusan kewangan adalah kesedaran tentang perbelanjaan dan pengurusan hutang. Rafdi et al. (2023) menjelaskan bahawa literasi kewangan, termasuk kemampuan untuk mengurus pinjaman dan perbelanjaan, adalah faktor penting yang mempengaruhi prestasi kewangan pelajar. Dalam kajian Salleh et al. (2020), pengetahuan kewangan di kalangan pelajar guru menunjukkan bahawa mereka mampu mengurus kewangan dengan lebih baik apabila dilengkapi dengan ilmu yang tepat. Pelajar yang tidak mempunyai asas dalam pengurusan kewangan berisiko mengalami masalah kewangan. Masalah ini boleh menjaskan pencapaian akademik, kesihatan mental dan kesejahteraan hidup mereka. Isu pengurusan kewangan ini telah menarik pelbagai pihak dan penyelidik apabila terdapat pelajar yang bekerja separuh masa bagi memenuhi keperluan perbelanjaan harian mereka. Lebih menyedihkan apabila terdapat pelajar yang mempunyai pinjaman pendidikan atau biasiswa tetapi mereka tidak dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik. Keadaan ini menyebabkan pelajar mengalami tekanan kewangan. Selain itu permasalahan ini boleh mendatangkan impak pada masa jangka panjang seperti beban hutang selepas tamat pengajian. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti masalah kewangan yang dihadapi pelajar sepanjang pengajian, mengukur tahap pengurusan kewangan pelajar dan menganalisis hubungan diantara kedua-dua faktor tersebut.

## Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian ini dijalankan iaitu:

- a) Mengenal pasti masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian
- b) Menilai tahap pengurusan kewangan pelajar
- c) Menentukan hubungan antara masalah kewangan pelajar terhadap pengurusan kewangan pelajar

## Sorotan Kajian

Pengurusan kewangan pelajar telah lama menjadi tumpuan penyelidik dan telah menjadi bidang kajian yang meluas. Kajian ini sering berkaitan dengan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan. Menurut kajian Sabri dan Falathi (2013) literasi kewangan memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Pelajar yang mempunyai literasi kewangan yang baik akan dapat mengurus perbelanjaan harian mereka dengan baik dan terancang. Sikap dan tabiat perbelanjaan pelajar yang tidak teratur juga akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah kewangan. Kenyataan ini disokong oleh Norvilitis dan Mendes-DeCosta(2012) menyatakan bahawa sikap pelajar yang impulsif lebih mudah berhutang dan menghadapi masalah kewangan. Manakala dari sumber kewangan pula kekangan pendapatan meningkatkan tekanan kewangan dan menjelaskan akademik( Ahmad et al.,2016). Oleh yang demikian bantuan kewangan daripada pihak institusi seperti biasiswa atau pinjaman pendidikan sangat membantu pelajar dalam mengatasi masalah kewangan mereka. Namun begitu pelajar perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah. Ini boleh dilakukan dengan mengamalkan membuat bajet perbelanjaan yang berkaitan dengan kepuasan kewangan (Xiao et al.,2014).

Selain daripada itu, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran juga menjadi punca pengurusan kewangan pelajar tidak sistematik. Pengaruh rakan sebaya seperti penggunaan kad kredit dan gaya hidup mewah juga mendatangkan masalah kewangan. (Robb & Pinto,2010). Pelajar yang memiliki pengetahuan yang lebih baik tentang pengurusan kewangan cenderung untuk mengelakkan masalah kewangan, seperti kemungkiran pinjaman (Yakob & Janor, 2015). Oleh itu pelajar perlu tahu membezakan diantara keperluan dan kehendak agar dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik. Namun begitu masalah ini dapat diatasi dengan memberikan pendedahan pengurusan kewangan dari sejak kecil lagi dan ditambah dengan ilmu literasi kewangan semasa di peringkat universiti (Sabri et al,2008). Ini kerana masalah kewangan adalah isu serius yang perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai peringkat masalah seperti isu kesihatan dan prestasi akademik (Norazlan et al., 2020).

## Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang telah dilakukan di Politeknik METrO Betong Sarawak. Seramai 34 orang pelajar Diploma Kewangan (DFI) / Diploma Kewangan Dan Perbankan (DKB) telah menjawab soal selidik yang dijalankan secara dalam talian. Kajian ini menggunakan Teknik pensampelan secara rawak mudah kepada semua pelajar. Item kajian dibina berdasarkan kajian lepas. Data yang telah dikumpulkan dianalisis secara statistik menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Nilai min akan diterjemahkan kepada berikut seperti yang digunakan dalam kajian Ngadiman et al. (2019): 1.00– 1.99 (Lemah); 2.00– 2.99 (Rendah); 3.00– 3.99 (Sederhana); 4.00– 5.00 (Tinggi). Selain daripada itu, analisis regresi linear digunakan untuk mencari hubungan diantara tahap pengurusan pelajar dan masalah kewangan pelajar.

## Hasil Kajian

### Latar Belakang Responden

Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

		Item	n	%
Jantina	Lelaki	12	37.5	
	Perempuan	20	62.5	
Semester	1 - 2	11	34.4	
	3 - 4	13	40.6	
	5 - 6	8	25.0	
HPNM	2.01 - 3.00	9	28.1	
	3.01 - 4.00	15	46.9	
	Tiada HPNM (Sem 1)	8	25.0	
Pendapatan ibu bapa	Kurang daripada RM1,000	7	21.9	
	Lebih daripada RM10,000	1	3.1	
	RM1,001 – RM3,000	17	53.1	
	RM3,001 – RM5,000	3	9.4	
	RM5,001 – RM7,000	3	9.4	
	RM7,001 – RM10,000	1	3.1	
Sumber utama kewangan pelajar	Biasiswa / tajaan	10	31.3	
	Pinjaman pendidikan (PTPTN / MARA / lain-lain)	4	12.5	
	Wang saku daripada ibu bapa / keluarga	18	56.3	

Latar belakang responden adalah seperti dalam jadual 1. Hasil kajian menunjukkan bahawa 37.5% adalah pelajar lelaki dan 62.5% adalah pelajar perempuan. Semua responden terdiri daripada Diploma Kewangan (DFI)/Diploma Kewangan dan Perbankan (DKB) yang mana 34.4% adalah pelajar DFI1A, diikuti seramai 40.6% pelajar DFI3A dan 25% adalah pelajar DKB5. Himpunan Purata Nilai Mata pelajar pula 28.1% memiliki 2.00 hingga 3.00 HPNM. Seterusnya 46.9% memiliki 3.01-4.00 HPNM dan 25% terdiri daripada pelajar semester 1 yang tiada HPNM. Dari segi pendapatan keluarga pula, 21.9% mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000, 3.1% mempunyai pendapatan keluarhga melebihi RM10,000. Manakala 53.1% mempunyai pendapatan RM1,001 - RM3,000. Bagi pendapatan RM3,001 - RM5,000 dan RM5,001 - RM7,000 masing-masing 9.4% dan pendapatan RM7,001 - RM10,000 adalah sebanyak 3.1%. Sumber utama kewangan pelajar adalah 56.3% daripada wang saku daripada ibu bapa/penjaga, diikuti oleh 31.1% biasiswa/tajaan. Manakala hanya 12.5% yang menggunakan pinjaman pendidikan seperti PTPTN/ MARA atau lain-lain.

## Masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian

Jadual 2: Masalah Kewangan Yang Hadapi Oleh Pelajar Sepanjang Pengajian

No	Item	Min	S.P	Tahap
1	Saya sering berasa stres atau risau berkaitan kewangan.	2.63	1.16	Rendah
2	Saya tinggal di penginapan murah atau berkongsi bilik untuk menjimatkan kos.	2.5	1.5	Rendah
3	Saya kerap meminjam wang daripada rakan atau keluarga.	2.28	0.89	Rendah
4	Saya menghadapi kekurangan makanan atau keperluan asas.	2.09	1.09	Rendah
5	Saya terpaksa membatalkan aktiviti sosial kerana kos.	1.91	1.17	Lemah
6	Saya tidak mampu bayar kos rawatan perubatan ringan ke klinik sekiranya saya sakit	1.75	1.14	Lemah
7	Saya menghadapi kesukaran membeli buku atau bahan pembelajaran.	1.72	0.85	Lemah
8	Saya sukar membayar yuran atau kos kursus tepat pada masanya.	1.69	0.78	Lemah
9	Saya mengambil kerja sambilan tambahan untuk menampung perbelanjaan.	1.53	0.95	Lemah
10	Saya mempunyai beban hutang yang semakin meningkat.	1.41	0.76	Lemah
<b>Purata</b>		<b>1.95</b>	<b>0.72</b>	<b>Lemah</b>

Jadual 2 menunjukkan masalah kewangan yang sering dihadapi oleh pelajar sepanjang pengajian mereka di PMBS. Masalah utama yang timbul adalah pelajar sering berasa stres atau risau berkaitan kewangan dengan nilai min 2.63. Masalah kedua adalah pelajar tinggal di penginapan murah atau berkongsi bilik untuk menjimatkan kos dengan nilai min 2.50. Manakala masalah yang ketiga adalah pelajar kerap meminjam wang daripada rakan atau keluarga (min 2.28). Namun begitu permasalahan yang timbul ini berada pada tahap yang lemah dengan nilai min purata 1.95. Nilai Purata ini pada tahap yang lemah kerana pelajar akan didekah dengan taklimat pengurusan kewangan pada setiap semester sebagai salah satu keperluan dalam silibus kewangan. Ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Wachira dan Kihiu (2012) yang mendapati tahap pendidikan kewangan mempengaruhi serta mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Secara tidak langsung pelajar dapat mengatasi masalah kewangan mereka dengan mudah.

## Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar

### Jadual 3: Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar

No	Item	Min	S.P	Tahap
1	Saya menggunakan wang yang sepatutnya untuk belajar (contoh: buku, yuran) kepada perkara lain.	2.94	1.22	Rendah
2	Saya percaya bahawa pelajar yang miskin tetap mempunyai masalah kewangan walaupun mempunyai pengurusan kewangan yang baik	2.88	1.29	Rendah
3	Saya mudah tergoda berbelanja apabila ada promosi atau jualan murah.	2.84	1.05	Rendah
4	Saya tidak mencatat atau merekodkan perbelanjaan harian saya.	2.81	1.09	Rendah
5	Saya lebih mengutamakan membeli barang kehendak berbanding keperluan.	2.63	1.26	Rendah
7	Saya sering berbelanja tanpa membuat perancangan awal.	2.31	1	Rendah
8	Saya tidak pernah belajar cara pengurusan kewangan yang betul.	2.16	1.17	Rendah
8	Saya kerap berbelanja melebihi wang yang diberikan oleh ibu bapa.	2.09	1.06	Rendah
9	Saya sesekali membelanjakan wang lebih kepada hiburan berbanding pembelajaran.	2.06	1.01	Rendah
10	Saya jarang atau tidak pernah menyimpan wang yang diberikan oleh ibu bapa.	1.97	1.03	Lemah

Jadual 3 adalah hasil kajian tahap pengurusan kewangan pelajar Diploma Kewangan di PMBS. Antara isi-isu yang timbul dalam tahap pengurusan kewangan pelajar adalah pelajar menggunakan wang yang sepatutnya untuk belajar (contoh: buku, yuran) kepada perkara lain dengan nilai min 2.94. Ini diikuti oleh pelajar percaya bahawa pelajar yang miskin tetap mempunyai masalah kewangan walaupun mempunyai pengurusan kewangan yang baik dengan nilai min 2.88. Manakala yang ketiga Adalah pelajar mudah tergoda berbelanja apabila ada promosi atau jualan murah dengan nilai min 2.84. Namun begitu min purata bagi tahap pengurusan kewangan ini adalah 2.47 iaitu pada tahap rendah. Kesimpulan hasil daripada dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengurusan yang sederhana sepanjang pengajian mereka di PMBS.

## Analisis Pengaruh Masalah Kewangan Pelajar Terhadap Pengurusan Kewangan Pelajar

**Jadual 4: Pengaruh Masalah Kewangan Terhadap Pengurusan Kewangan**

Pemboleh ubah Bebas	Pemboleh ubah bersandar	sisihan piawai	Beta	Nilai-t	Sig.
Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar	Masalah Kewangan Pelajar	0.146	0.604	4.153	0.000

Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar manakala pemboleh ubah bersandar adalah Masalah Kewangan Pelajar. Hasil kajian menunjukkan nilai beta (0.64), nilai  $-t = -4.153$  dan nilai signifikan adalah  $p < 0.05$ . ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan di antara tahap pengurusan kewangan pelajar dengan masalah kewangan pelajar. Nilai beta pula 0.64 menunjukkan bahawa nilai beta yang tinggi menunjukkan tahap pengurusan kewangan pelajar memberi kesan yang positif terhadap Masalah Kewangan Pelajar. Kesimpulan hasil kajian ini adalah semakin tinggi tahap pengurusan kewangan pelajar yang timbul, semakin besar pengaruhnya kepada terhadap masalah kewangan pelajar. Sehubungan itu, menurut Salleh, H. (2024) pentingnya pengurusan kewangan yang betul dalam kalangan pelajar di samping merangka jenis bantuan bagi kumpulan pelajar yang memerlukan.

### Kesimpulan

Pengurusan kewangan pelajar merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh pihak institusi terutama para pensyarah yang mempunyai hubungan baik bersama pelajar iaitu Penasihat Akademik. Hasil daripada kajian ini adalah masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar Diploma Kewangan/Diploma Perbankan dan kewangan di PMBS adalah pada tahap yang lemah. Ini menunjukkan bahawa ilmu pengurusan kewangan yang mereka telah terima bermula daripada semester satu sehingga semester 5 sangat membantu pelajar dalam mengurus kewangan mereka. Ini disokong oleh Salleh (2024), taklimat kewangan dengan kerjasama bank-bank tempatan juga memberi impak yang positif kepada pelajar dalam pengurusan kewangan mereka. Manakala dari aspek pengurusan kewangan pula berada pada tahap sederhana. Namun begitu tahap pengurusan ini masih boleh dipertingkatkan lagi dengan menambah program literasi kewangan dengan pemantauan pihak penasihat akademik agar pelajar sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah setiap kali perjumpaan bersama Penasihat Akademik. Ini selari dengan kajian Salleh (2025). Iaitu pentingnya peranan Penasihat Akademik untuk memantau pelajar bagi mengelakkan pelajar tertekan dengan masalah mereka hadapi. Hasil dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pengurusan kewangan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap masalah kewangan pelajar. Pengurusan kewangan yang tidak sistematik menunjukkan pelajar mempunyai masalah kewangan yang tinggi. Ini akan menyebabkan pelajar menghadapi tekanan kewangan dan terganggu kesihatan mental serta pencapaian akademik merosot.

## Rujukan

- Abdul-Rahman, A., Wajeeha, Z., & Satu, T. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa universiti kebangsaan malaysia. *Personalia*, 19(2). <https://doi.org/10.17576/personalia.1902.2016.09>
- Ahmad, N. H., Baharudin, N. H., & Paim, L. (2016). Financial management practices among Malaysian university students. *International Journal of Education and Research*, 4(5), 123–136.
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5–44.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238–254.
- Norazlan, N., Yusuf, S., & Mohamed Hamoud Al-Majdhoub, F. A. T. I. M. A. (2020). The financial problems and academic performance among public university students in Malaysia. *The Asian Journal of Professional and Business Studies*, 2(2).
- Norvilitis, J. M., & Mendes-DeCosta, S. (2012). Financial well-being of college students: Parental contributions, financial literacy, and student debt. *Journal of Economic Psychology*, 33(1), 118–126.
- Rafdi, N., Bakar, N., Sabri, S., & Roshadi, A. (2023). Faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa prasiswazah: kajian kes di universiti islam selangor. *Journal of Management and Muamalah*, 13(2), 60-69. <https://doi.org/10.53840/jmm.v13i2.156>
- Robb, C. A., & Pinto, M. B. (2010). College students and credit card use: The role of parents, work experience, and financial education. *Journal of Family and Economic Issues*, 31(2), 161–170.
- Sabri, M. F., & Falahati, L. (2013). Predictors of financial well-being among Malaysian workers: Examining the mediate effect of financial stress. *Asian Social Science*, 9(17), 1–10
- Sabri, M. F., MacDonald, M., Hira, T. K., & Masud, J. (2008). Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 37(2), 167–184.
- Salleh, H. (2024). Pengaruh pendapatan keluarga terhadap masalah kewangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (22), 1 - 6.
- Salleh, H. (2025). Faktor yang mempengaruhi pencapaian penilaian berterusan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 474-481.
- Salleh, S., Mohamad, S., Haris, Z., & Nor, M. (2020). Literasi kewangan siswa guru program persediaan ijazah sarjana muda perguruan (ppismp) di institut pendidikan guru kampus ilmu khas. TEMPawan. <https://doi.org/10.61374/temp06.20>
- Wei, L., Fui, T., Chong, K. H., Dharrsheni, A., & Anand, P. P. (2019). Rubayah Yakob\*, Hendon Redzuan & Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 26, 2.
- Yakob, R. and Janor, H. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: kajian di universiti kebangsaan malaysia. *Personalia*, 18(1). <https://doi.org/10.17576/personalia.1801.2015.06>
- Zahari, S. A., & Wahid, H. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1).